

# HAZMAT lepaskan gas ammonia secara berperingkat

BH ONLINE | Rabu, 4 September 2019 | 7:59am



EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Datuk Tey Kok Kiew (dua dari kiri) ketika ditemui di kilang pemprosesan ayam di Merlimau, malam tadi.

JASIN: Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), melepaskan secara berperingkat gas ammonia yang terperangkap dalam saluran paip di sebuah kilang pemprosesan ayam di Merlimau, malam tadi.

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Datuk Tey Kok Kiew, berkata kerja pelepasan gas itu bermula kira-kira jam 10.00 malam dan dijangka mengambil masa selama 10 jam.

"Kadar bacaan bahan kimia itu menunjukkan penurunan daripada 500 ppm (bahagian setiap juta) kepada kira-kira 30ppm hanya dalam 45 minit," katanya.

"Pada masa sama, pasukan bomba melakukan pemeriksaan berkala setiap dua jam dengan mengukur bacaan kandungan gas di kawasan pada radius kira-kira tiga kilometer dari kawasan kilang," katanya pada sidang media, di sini, malam tadi.

Beliau berkata, sekiranya bacaan diperoleh menunjukkan ada berlaku pencemaran udara, pelepasan gas itu akan dihentikan.

Kok Kiew berkata, hingga jam 11.30 malam tadi, hanya 11 mangsa masih dirawat di Hospital Melaka berbanding 26 orang pada siangya.

Beliau sekali gus meminta orang ramai agar tidak cemas kerana keadaan adalah terkawal, selain mendapatkan berita daripada sumber yang sahih.

Sementara itu, Pegawai Daerah Jasin, Datuk Anis Ali Hasan, berkata sebagai langkah awal, dua pusat pemindahan sementara dibuka masing-masing di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dang Anum di Jasin dan SMK Ayer Molek, Melaka Tengah, pada jam 9.45 malam tadi. – BERNAMA